

Malaysia yakin OIC terima baik penggunaan dinar emas

UM 13 OCT 2002

MUAR 12 Okt. — Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail yakin, ketua-ketua negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menerima baik penggunaan dinar emas sebagai satu lagi mata wang pilihan antarabangsa.

Beliau juga yakin, mereka akan menerima secara positif syor Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad itu sebagai pilihan kepada penyelesaian perdagangan dua hala di kalangan negara-negara Islam Dunia.

“Berdasarkan reaksi awal, mereka nampaknya menerima secara positif dinar emas yang boleh mengurangkan penggantungan terhadap mata wang Dollar Amerika Syarikat (USD).

“Namun begitu, sudah tentu mereka memerlukan penjelasan

lebih lanjut tentang mekanisme penggunaan mata wang itu,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang lomba basikal Jelajah Malaysia di Sungai Mati di sini hari ini.

Hashim berkata, sebelum ini, kebanyakan negara-negara Islam terlalu bergantung kepada mata wang USD untuk urusan perdagangan dua hala dengan negara di dunia.

Dengan adanya dinar emas yang diperkenalkan oleh Malaysia katanya, ia sekurang-kurangnya akan dapat mengurangkan penggantungan mata wang USD dalam transaksi perdagangan antarabangsa.